

30/05/1998

Mahathir anggap tindakan Pakistan tidak wajar

TUMPAT, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata tindakan Pakistan melancarkan ujian nuklearnya semalam adalah tidak wajar dan boleh menyebabkan berlaku perlumbaan senjata dunia.

"Ini tidak sihat bagi dunia, sepatutnya dunia mengambil tindakan dengan cara paling berkesan untuk membendung semua ujian nuklear dan percubaan membuat senjata nuklear.

"Tetapi nampaknya dunia tidak begitu memberi tumpuan kepada usaha ini.

"Mereka asyik buat senjata bagi menjualnya semula," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Eksposisi Multimedia Telekomunikasi dan Elektronik Kelantan (Emtek'98) di sini, hari ini.

Pakistan semalam melancarkan lima ujian nuklear di Wilayah Baluchistan dekat sempadan Afghanistan sebagai tindak balas terhadap ujian yang dilancarkan oleh India awal bulan ini.

Perdana Menteri berkata, tindak balas Pakistan terhadap ujian India itu, walaupun mendapat bantahan dunia sebelum ini, ia tetap dijangkakan akan berlaku.

"Ini kerana apabila satu pihak membuat sesuatu untuk meningkatkan kelebihan dia, maka pihak yang satu lagi akan cuba membuktikan bahawa mereka juga ada kebolehan dan ini menyebabkan adanya perlumbaan senjata," katanya.

Sementara itu, agensi berita asing melaporkan Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, mengutuk keputusan Pakistan menyertai kelab negara kuasa nuklear dunia dan menyifatkannya sebagai menghilangkan peluang negara itu untuk menikmati bantuan dunia.

(END)